

# 'UMNO BUKAN TEMPAT CARI FAEDAH DIRI'

KUALA LUMPUR, Ahad — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz hari ini menyelar sikap segelintir ahli-ahli UMNO yang mencetuskan berbagai masalah dalam parti.

Mereka katanya, masuk UMNO semata-mata untuk berjuang merebut

jawatan-jawatan penting dalam parti bagi kepentingan diri mereka sendiri.

Orang-orang itu katanya, tidak usah berselindung kerana tanduk mereka diketahui oleh parti.

Datin Paduka Rafidah yang juga Naib Ketua Pergerakan Wanita

UMNO menegaskan, UMNO bukanlah tempat bagi orang-orang yang mahu mencari faedah diri sendiri.

Beliau memberitahu demikian sewaktu berucap merasmikan mesyuarat agung Pergerakan Wanita UMNO cawangan Taman Keramat di sini.

Naib Ketua Wanita UMNO itu seterusnya berkata, beliau dukacita kerana adanya desas-desus mahu memecah-belahkan parti.

Datin Paduka Rafidah menyeru seluruh ahli UMNO jangan berkrisis sesama sendiri.

"Walaupun UMNO mengamalkan sistem demokrasi tetapi janganlah pula kebebasan itu digunakan dengan sesuka hati untuk membuat fitnah dan sebagainya sehingga parti terjejas," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia